

**Adun DAP Mohon Maaf Atas Komen Tentang Jalur Gemilang  
mStar Online  
September 17, 2011  
Oleh ISABELLE LAI**

**PETALING JAYA:** Ahli Dewan Undangan DAP Kota Alam Shah, M. Manoharan yang mengeluarkan pandangan kontroversi di laman Facebooknya agar bendera Jalur Gemilang ditukar jika Pakatan Rakyat memerintah akhirnya telah menarik balik kenyataan tersebut.

Beliau telah memohon maaf tentang pandangan tersebut di laman Facebook beliau.

"Saya anak Malaysia yang patriotik. Saya memohon maaf jika komen saya mengenai bendera Malaysia itu telah menimbulkan perasaan tidak selesa kepada anda semua. Terima kasih," katanya dalam kemaskini yang dibuat di laman tersebut.

Terdahulu, ketika dihubungi oleh The Star, beliau memberi alasan mengeluarkan pandangan tersebut kerana berpendapat, rekaan bendera Jalur Gemilang menyerupai bendera Barisan Nasional (BN) dan tidak memberi gambaran mengenai rakyat Malaysia.

Manoharan yang mengedarkan bendera DAP di sekitar kawasannya bersempena sambutan Hari Malaysia pada Khamis berkata, beliau tidak mempunyai keinginan untuk mengibarkan bendera kebangsaan itu.

"Saya mempunyai bendera Malaysia bersama-sama. Namun, apabila saya mengibarkannya saya berasa seperti mengibarkan bendera Barisan," katanya sambil menyangkal dirinya seorang yang tidak patriotik.

Beliau juga berkata, Jalur Gemilang juga mempunyai persamaan dengan bendera Amerika Syarikat (AS), di mana ia sering mengelirukan para pelancong apabila sekali pandang.

Manoharan sebelum itu, memasukkan entri di laman Facebook bahawa dia "enggan mengibarkan bendera Malaysia kerana ia kelihatan seperti bendera BN," katanya seperti yang dilaporkan laman web The Mole.

Beliau kemudiannya menulis: "Kita tidak mempunyai bendera bertaraf dunia. Orang Amerika sedang mentertawakan kita. Sila pergi ke AS dengan bendera kita. Tapi sebelum itu, pastikan kedutaan Amerika mengeluarkan visa dulu."

Beliau menyuarakan kebimbangannya terhadap sebilangan rakyat Malaysia yang bekerja di organisasi bantuan bukan kerajaan di luar negara yang mungkin terasa kerana dianggap sebagai rakyat Amerika.

"Untuk melindungi diri anda sendiri, anda perlu mengibarkan bendera negara anda. Sesetengah negara pula tidak menyukai warga Amerika, jadi secara tidak langsung rakyat kita turut terkena tempiasnya kerana bendera itu," katanya.

Beliau yang menggesa agar bendera itu ditukarkan berhasrat memberikan beberapa cadangan berkaitan jika Pakatan Rakyat berkuasa kelak.

"Jalur pada bendera itu perlu ditukar. Warna merah dan putih telah menimbulkan banyak kekeliruan. Saya rasa bintang, bulan sabit dan warna kuning diraja harus dikekalkan," katanya.

Beliau turut berkata, tiada apa yang salah dengan idea untuk menukarkan rekaan bendera itu kerana Malaysia masih boleh mengekalkan identiti Islam yang dikenali ramai itu.

"Mereka kata ianya Jalur Gemilang tetapi tiada apa yang gemilang kerana bendera itu tidak ubah seperti bendera Amerika," katanya lagi.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

[http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/9/17/mstar\\_berita/20110916221242&sec=mstar\\_berita](http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/9/17/mstar_berita/20110916221242&sec=mstar_berita)